

Mahkamah Tinggi putuskan Najib bersalah terhadap tujuh pertuduhan penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd

Laporan MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN, NURUL RIDUAN NOR ASHAHA, MUHAMMAD AFHAM RAMLI, AHMAD ISMADI ISMAIL, NOOR AZLIDA ALIMIN, ROSALWANI CHE SOH, NURHIDAYAH HAIROM, HASNIZA HUSSAIN, SYAHIDATUL AKMAL DUNYA, RAIHAM SANUSI dan TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
Foto ROSLI TALIB

Penjara 72 tahun, denda RM210 juta

KUALA LUMPUR

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dihukum penjara 72 tahun dan denda RM210 juta oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan salah guna kedudukan, pecah amanah dan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali membuat keputusan itu selepas mendapat pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes itu.

Mohd Nazlan membuat keputusan itu selepas selesai membaca penghakim-

Senarai Saksi Penting Perbicaraan Kes Najib

1. Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali
2. Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad
3. Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya
4. Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom
5. Bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman
6. Bekas Ketua Setiausaha Perbadanan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah
7. Bekas Pengarah SRC, Datuk Suboh Md Yassin
8. Pegawai Penyiasat SPRM, Rosli Hussain

annya bagi kesemua pertuduhan tersebut selama dua jam.

Bagi pertuduhan salah guna kuasa, Najib dipenjara 12 tahun dan denda RM210 juta, manakala bagi tiga pertuduhan pecah amanah Najib dipenjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan itu.

Bagi tiga lagi pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram, Najib turut dijatuhi hukuman penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan.

Kesemua hukuman penjara itu adalah selama 72 tahun, namun mahkamah memerintahkan kesemua hukuman itu berjalan secara serentak iaitu Najib hanya dipenjara maksimum selama 12 tahun.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan permohonan Najib untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman itu sementara menunggu rayuan selesai, namun menaikkan jumlah jaminan sebanyak RM1 juta lagi dan mengarahkan ia dikemukakan hari ini.

Sebelum ini, Najib diikat jamin RM1 juta.

Mahkamah juga memerintahkan beliau melapor diri ke balai polis dua kali sebulan.

“Saya turut mengambil kira sumbangan tertuduh kepada negara,” kata Mohd Nazlan.

Dalam penghakimannya, Mohd Nazlan berkata, pasukan pembelaan Najib gagal mengetengahkan mengenai imbalan kebarangkalian menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.

“Dalam keterangan di mahkamah, ia mengesahkan terdapat penglibatan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho



Najib dilkerumuni penyokong dan petugas media di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam. Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menjatuhkan hukuman penjara terkumpul 72 tahun ke atas Najib dalam kes tujuh pertuduhan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International. Turut kelihatan dalam gambar itu ialah Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

atau Jho Low, termasuk turut memberikan arahan mengenai akaun bank Najib kepada bekas Pengurus Perhubungan AmBank, Joanna Yu,” katanya.

Mengenai isu tandatangan palsu pada dokumen yang dibangkitkan sepanjang perbicaraan itu, mahkamah turut mendapati pihak pembelaan juga tidak mengemukakan saksi pakar untuk menge sahkan kesahihan tandatangan Najib pada dokumen yang didakwa palsu.

Terdahulu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah membuka tirai dengan rayuan mitigasi dengan membacakan biodata Najib termasuk memaklumkan Najib pernah melakar sejarah dengan menjadi Menteri Besar termuda di negara ini.

“Najib bukan sahaja mempunyai kriteria sebagai seorang pemimpin yang berkaliber, beliau juga memberi kerjasama kepada pihak berkuasa ketika siasatan kes dibuat terhadap beliau.

“Selain itu, tiada laporan anak guam saya mengganggu mana-mana saksi,” katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram yang mewakili pasukan pendakwaan berkata, kes itu menyebabkan negara terpalit dengan isu kleptokrasi.

“Menjadi pemimpin tidak boleh dijadikan alasan untuk melakukan se-

barang kesalahan,” katanya.

Pada 11 November tahun lalu, Mohd Nazlan memerintahkan Najib membela diri terhadap semua pertuduhan yang didakwa ke atasnya.

Dalam pada itu, Najib dilihat meninggalkan mahkamah pada jam 7.34 malam bersama peguamnya selepas menghadiri sesi prosiding tersebut sejak jam 10 pagi.

Wajah Najib ketika tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

